

27/01/2003

Mahathir Wira Keamanan Dunia

Kadir Dikoh

SUBANG: Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia), gabungan pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) semalam mengisytiharkan Datuk Seri Dr

Mahathir Mohamad sebagai 'Wira Keamanan Dunia' kerana keberanian serta kelantangan suaranya di pentas dunia menentang peperangan, terutama di Iraq dan Palestin.

Pengisytiharan itu dibuat pada perhimpunan keamanan dan gerakan antiperang anjuran Aman Malaysia di padang letak kereta Pangkalan Tentera

Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang di sini semalam bagi menyambut ketibaan Perdana Menteri.

Dr Mahathir yang baru tiba selepas melakukan lawatan seminggu ke Lubnan

dan Mesir serta menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Davos, Switzerland

turut berucap di hadapan kira-kira 2,000 orang termasuk mahasiswa.

Penyelaras Kumpulan Kerja Aman Malaysia, Zulkifli Alwi dalam ucapannya pada majlis itu, berkata rakyat Malaysia berbangga kerana peranan yang dimainkan Dr Mahathir dalam menyuarakan tentangan terhadap rancangan Amerika Syarikat menyerang Iraq ketika di Davos.

"Pandangan Dr Mahathir tanpa rasa takut itu disokong banyak negara lain.

Hari ini kita mengisytiharkan Perdana Menteri sebagai wira keamanan dunia," katanya sambil menerima laungan "Hidup Dr Mahathir".

Sepanduk yang antara lain tertera: "Selamat kembali ke tanah air Dr M",

"Malaysian for Peace" dan "Bebaskan Palestin dari jenayah perang".

Hadir sama di pentas khas ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dalam ucapan balasnya pula, Dr Mahathir terharu dengan semangat rakyat Malaysia dan mengucapkan tahniah kepada Aman Malaysia kerana peka kepada keadaan dunia dengan menyintai keamanan sejagat.

"Kita di sini tanpa peperangan, kita cukup aman dan itulah cara Malaysia. Kita berpendapat penyelesaian kepada sebarang masalah adalah menerusi rundingan, bukan dengan berperang. Tiada siapa yang menang dalam perang," katanya.

Katanya, Washington berani menyerang Iraq kerana ia tahu yang akan terbunuh nanti adalah rakyat Iraq yang tidak berdosa dan tentera Iraq tetapi bukannya rakyat atau tentera Amerika kerana kuasa besar itu mempunyai senjata canggih.

Beliau berkata, Presiden Saddam Hussein tidak menggunakan keganasan terhadap rakyat Amerika tetapi Washington beria-ia hendak menyerang Iraq walaupun selepas lebih 10 tahun berakhirnya Perang Teluk kerana niatnya untuk memilik kekayaan minyak Iraq.

"Inilah sebabnya kita anggap cadangan untuk menyerang Iraq sesuatu yang

bertujuan lain iaitu untuk mendapat minyak Iraq yang begitu banyak," katanya.

Dr Mahathir berkata, apa juga laporan pasukan penyiasat berkaitan senjata pemusnah yang didakwa dimiliki Iraq tidak berguna jika hasrat Amerika adalah untuk menyerang Iraq tanpa mempedulikan laporan atau bantahan dunia.

"Jadi ini jelas adalah keputusan satu pihak saja," kata Dr Mahathir yang merujuk kepada rancangan untuk menyerang Iraq yang dibantah oleh hampir seluruh dunia kecuali Britain dan Australia.

"Kalau marah kepada Presiden Saddam Hussein, pergilah runding dengan dia tapi jangan bunuh rakyat Iraq yang tidak berdosa," katanya.

Beliau berkata, usaha akan dilakukan untuk membawa rakyat Palestin yang menjadi mangsa kekejaman Israel ke negara ini bagi menunjukkan penderitaan yang dialami mereka.

"Sebenarnya keganasan berlaku kerana rakyat Palestin tidak mendapat apa-apa pertolongan dalam usaha mereka merebut balik wilayah dan tanah air mereka," katanya.

"Sebagai pencinta keamanan, kita bersimpati dengan rakyat Palestin," katanya.

Dr Mahathir berkata, ada kuasa besar yang mahukan Presiden Yasser Arafat berhenti memimpin rakyat dan negara Palestin.

"Tetapi mengapakah tidak (Ariel) Sharon juga diturunkan jadi Perdana Menteri Israel kerana keganasannya lebih besar," katanya sambil menerima tepukan hadirin.